

SOALAN NO. : 46

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

TARIKH : 16 NOV 2016 (RABU)

SOALAN:

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha-usaha jangka masa pendek dan panjang kementerian bagi menangani masalah banjir akibat fenomena air pasang besar serta peningkatan aras laut dunia yang tidak lagi dapat ditampung oleh penghadang sedia ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menangani masalah ini. Antaranya adalah seperti berikut:

i) Langkah jangka pendek

- a) Melaksanakan kerja-kerja pembaikan segera bagi membaikpulih ban pantai, struktur lapis lindung (*rock revetment*) serta kawasan tebing pantai yang rosak akibat fenomena air pasang besar yang telah berlaku di empat negeri iaitu Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang.

ii) Langkah jangka panjang

- a) Membina ban pantai dengan rekabentuk yang sesuai untuk menghadapi fenomena air pasang besar yang berlaku.
- b) Menaiktaraf dan meninggikan ban-ban pantai sedia ada di kawasan yang berisiko untuk dilimpahi air laut khasnya di kawasan rendah dan landai ketika berlaku fenomena pertembungan air pasang besar, ombak kuat, pusuan ribut (*storm surge*) dan angin kencang.
- c) Mengekalkan pokok bakau sebagai zon penamparan (*buffer zone*) serta program penanaman semula pokok bakau bagi mengurangkan impak ombak terhadap kawasan ban dan pesisiran pantai.